

**ANALISIS DESKRIPTIF KITAB KAIFIYYAH
MENGADAKAN WAKAF MUSLIMIN
KARANGAN SYEIKH JUNID TOLA (M.1948)**
*Descriptive Analysis of Kitab Kaifiyyah
Mengadakan Wakaf Muslimin Authored by
Syekh Junid Tola (d. 1948)*

Muhammad Amirul Solehin bin Mohd Paid*
Mohammaddin bin Abdul Niri**
Abdul Karim bin Ali***
Noor Naemah binti Abdul Rahman****

ABSTRACT

The Kitab Kaifiyyah Mengadakan Wakaf Muslimin, authored by Sheikh Junid Tola (d. 1948), is a rare Jawi literature that explains the practical implementation of Islamic endowment (waqf) as

* Postgraduate Student, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: munawwarah315@gmail.com

** Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. (Corresponding Author) E-mail: mohammaddin@um.edu.my

*** Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: abdkarim@um.edu.my

**** Honorary Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: naemah@um.edu.my

applicable to the Malay community of that era. In the context of historiography of fiqh on waqf, this study examines whether the book reflects a paradigm that carries regressive or progressive values. The research framework was formed based on qualitative research with data collection using the library method, while data analysis was guided by the content analysis method. The findings reveal 88 textual data in this book that are relevant to the development of waqf which results from 6 main sources, namely paddy field, zakat, rupi currency, land, business and craftsmanship. Based on these textual data, it can be concluded that the concept of waqf development in Kitab Kaifiyyah is not only aligned with the principles of waqf in classical Islamic literature but is also progressive in accommodating the local circumstances of the Muslim community at that time.

Keywords: *Waqf, Junid Tola, Kitab Kaifiyyah, Jawi, Malay scholars*

PENDAHULUAN

Setelah wafatnya baginda Nabi Muhammad SAW pada awal kurun ke-7 M, ajaran Islam telah tersebar dan berkembang ke seluruh pelosok dunia, sama ada di Asia, Afrika dan Eropah. Di Tanah Melayu, kesan perkembangan ajaran Islam itu dapat dilihat dengan ketara antara abad ke-13 hingga ke-14 Masihi.¹ Hal ini dapat dikenal pasti dengan kemunculan pelbagai manuskrip jawi yang merekodkan penyampaian ajaran Islam dan berjaya melahirkan ulama tempatan yang alim dalam pelbagai bidang ilmu Islam seperti tauhid, fiqh, tasawuf dan sebagainya. Dengan lahirnya ulama tempatan ini, mereka juga telah memainkan peranan penting dalam memastikan ajaran Islam ini dapat meresapi ke dalam jiwa

¹ Abdul Halim El-Muhammady, "Pengaruh Fiqh Shafi'i dalam Pemikiran Masyarakat Melayu di Malaysia" (Makalah, Seminar Hukum Islam Semasa ke-5, Akademi Pengajian Islam University Malaya, 22-23hb Ogos 2007), 8.

masyarakat tempatan, malah mereka juga turut menghasilkan karya-karya jawi yang bernilai kepada umat Islam.

Pada abad ke-18 Masihi, muncul ramai ulama tempatan bersama hasil penulisan karya jawi masing-masing yang menjadi bukti perkembangan pesat aktiviti penyebaran ilmu Islam di Alam Melayu.² Pada ketika itu, tokoh-tokoh fiqh Nusantara menghasilkan karya-karya yang membincangkan masalah-masalah asas yang perlu difahami oleh umat Islam. Antara ulama Alam Melayu serta karya yang dihasilkan adalah seperti Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, kitab *Hidāyah al-Muta'allim*, *Munyat al-Muṣallī* dan kitab *Furū' al-Masā'il*; karangan Syeikh Muhammad bin Ismail Daud Fatani, kitab *al-Baḥr al-Wāfī wa al-Nahr al-Ṣafī* dan *Maṭla' al-Badrayn*; karangan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, kitab *Sabīl al-Muhtadīn Li al-Tafaqquh fī Amr al-Dīn* dan karangan Syeikh Nur al-Din Muhammad Jailani bin 'Ali al-Raniri, kitab *Ṣirāṭ al-Mustaqīm* dan karangan Syeikh Junid Tola, kitab *Kaifiyyah Mengadakan Wakaf Muslimin* (selanjutnya disebutkan sebagai Kitab Kaifiyyah).³ Sumbangan mereka dalam pelbagai karya jawi masing-masing telah menjadikan mereka sentiasa diingati, dikenali dan dihormati sehingga ke hari ini.

Dalam konteks kajian terhadap perkembangan karya jawi para ulama tempatan di Alam Melayu, terdapat perbezaan paradigma para penyelidik dan secara umum ia boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Bentuk paradigma pertama lebih memperlihatkan karya jawi ulama tempatan dalam konotasi kemunduran. Misalnya, Bruinessen dalam kajiannya *Pesantren and Kitab Kuning: Maintenance and Continuation of a Tradition of Religious Learning*⁴ memaparkan bagaimana perkembangan penulisan kitab jawi, begitu juga institusi pondok, guru agama dan

² Mahayudin Hj Yahaya, *Karya Klasik Melayu Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 4.

³ Mohd. Nor bin Ngah, "Some Writings of the traditional Malay Muslim Scholars Found in a Malaysia," dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, ed. Khoo Kay Kim (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 9-12.

⁴ Martin van Bruinessen, "Pesantren and Kitab Kuning: Maintenance and Continuation of a Tradition of Religious Learning," dalam *Texts From the Islands: Oral and Written Traditions of Indonesia and the Malay World*, ed. Wolfgang Marschall (Bern: Institute of Ethnology, University of Bern, 1994).

pendekatan sanad. Namun, pelbagai aspek tersebut tidak lari daripada nisbah konservatif dan melihat bahawa umat Islam di Alam Melayu hanya dapat berubah dan maju disebabkan oleh pengaruh Barat.

Kemudian, bentuk paradigma kedua lebih memaparkan karya jawi ulama tempatan di Alam Melayu sebagai mengandungi pendekatan pembaharuan yang tersendiri dan bersifat progresif iaitu walaupun keilmuan Islam diketahui berada dalam zaman taklid dan persekitaran masyarakat Islam dalam cengkaman kuasa kolonial ketika itu, namun para ulama tempatan memainkan peranan yang amat penting dalam menggerakkan umat Islam keluar daripada kemunduran dan membebaskan diri mereka daripada penjajahan Barat. Contohnya, Azyumardi Azra dalam penelitiannya, *Islamic Thought: Theory, Concepts and Doctrines in the Context of Southeast Asian Islam*,⁵ menunjukkan bahawa ulama tempatan yang kerap didakwa sebagai membawa tradisi mundur sebenarnya mendukung usaha pembaharuan keagamaan dan sosial masyarakat Islam. Pembaharuan yang diikuti oleh ulama tradisional diamati sebagai berasaskan prinsip kesinambungan dan perubahan (*continuity and change*).

Ini menimbulkan persoalan menarik untuk diteliti lebih lanjut dalam konteks Kitab Kaifiyyah ini. Adakah penulisan kitab ini mengukuhkan bentuk paradigma pertama yang melihat karya jawi ulama tempatan sebagai membawa kemunduran ataupun sebaliknya ia mengesahkan bentuk paradigma kedua? Untuk itu, kajian ini juga akan turut meneliti lebih lanjut konsep pembangunan wakaf menurut Syeikh Junid Tola berdasarkan data tekstual daripada Kitab Kaifiyyah.⁶ Justeru, kajian ini amat relevan untuk diterokai bagi mengenal pasti pendekatan yang digunakan oleh tokoh tersebut dan seterusnya diketengahkan sebagai bentuk penghargaan terhadap usaha murni tokoh tersebut mengembangkan ilmu dalam kalangan masyarakat.

⁵ Azra, Azyumardi, "Islamic thought: Theory, concepts and doctrines in the context of Southeast Asian Islam." *Islam in Southeast Asia: Political, social and strategic challenges for the 21st century*, 3 (2005): 21.

⁶ Junid Tala, *Kitab Kaifiyat Mengadakan Wakaf Muslimin* (Kaherah: al-Maṭba'ah al-Marbawiyah, 1929), 5.

SOROTAN LITERATUR

Perkembangan harta wakaf yang berlaku di Malaysia telah menarik perhatian ramai pengkaji. Banyak kajian telah dilakukan khususnya dalam aspek perundangan wakaf, pentadbiran, pengurusan dan pembangunan harta wakaf telah dihuraikan oleh sarjana tempatan. Mahmood Zuhdi Abd Majid dalam kajiannya telah memberikan gambaran perwakafan secara ringkas dari segi konsep dan objektif amalan wakaf supaya bertepatan dengan kehendak Allah SWT. Selain itu, beliau telah menggariskan berkaitan pentadbiran dan pengurusan wakaf di setiap negeri khususnya di Terengganu.⁷ Ia merupakan kajian awal yang mendedahkan amalan dan pelaksanaan wakaf di Malaysia yang dapat memberi gambaran kepada penulis berkaitan bentuk dan pelaksanaan awal wakaf di Malaysia.

Che Zuina Ismail dalam kajiannya telah menekankan tentang pembangunan tanah wakaf menurut pelaksanaan dan perundangannya di Malaysia.⁸ Kajian ini mengupas beberapa isu dan halangan dalam pembangunan tanah wakaf merangkumi aspek kewangan, perundangan dan juga kefahaman masyarakat Malaysia berkaitan harta wakaf. Menurut beliau, tanah wakaf perlu dibangunkan supaya tanah tersebut tidak terbiar dan tidak mendatangkan mudarat kepada benefisiari. Ia perlu dibangunkan dengan pelbagai cara. Tambah beliau lagi, isu-isu perundangan telah membataskan usaha pembangunan tanah wakaf itu sendiri dan ia sebenarnya perlu diteliti semula bagi menjamin kelangsungan harta wakaf tersebut.

Kajian Che Zuina ini turut menguatkan kajian sebelum ini yang telah dilakukan oleh Luqman Abdullah dalam artikel beliau berkaitan *istibdāl* harta wakaf dan turut membawa prinsip-prinsip utama wakaf dalam mazhab Syafii.⁹ Tambahan beliau lagi,

⁷ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Wakaf dan Pelaksanaannya di Malaysia* (Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1999).

⁸ Che Zuina Ismail, "Pembangunan Tanah Wakaf: Analisis Menurut Perundangan dan Pelaksanaannya di Malaysia" (tesis kedoktoran, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

⁹ Luqman Abdullah, "Istibdāl Harta Wakaf dari Perspektif Mazhab Syafie," *Jurnal Fiqh* no. 7 (2010), 72.

perbahasan mengenai harta wakaf tidak seharusnya dilihat hanya dari perspektif mazhab Syafii semata-mata. Ia sepatutnya dilihat dari pelbagai sudut selagi mana tidak bertentangan dengan syariah dan yang dapat mendatangkan *maṣlahah* kepada harta wakaf itu sendiri. Justeru itu, pandangan mazhab lain perlu dinilai dan diambil kira.

Mohamad Akram Laldin dalam kertas kerjanya “Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Wakaf” telah menjelaskan persoalan *maqāṣid* dan hubungannya dengan wakaf. Kepentingan memahami objektif pensyariatan wakaf akan dapat membantu para mujtahid menerangkan hukum-hakam berkaitan wakaf dengan mudah. Perbincangan tentang wakaf boleh dikategorikan dalam konsep pemeliharaan harta (*hiḏ al-māl*) yang mana ianya termasuk dalam perkara *ḏarūriyyah*. Oleh itu, ia harus dipelihara, dijaga dan diurus dengan baik.¹⁰ Sekiranya ini berlaku, bukan sahaja ibadah wakaf yang dilakukan lebih dihayati, malah banyak masalah sosioekonomi ummah dapat diatasi.

“Peranan Wakaf dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan” oleh Murtadho Ridwan menyatakan institusi wakaf telah menyumbang dan memberikan kemudahan awam yang diperlukan terutama dalam mengatasi masalah kemiskinan di Jawa Tengah, Indonesia.¹¹ Oleh itu, pemerintah perlu berperanan menguruskan wakaf dengan sebaik mungkin yang akhirnya akan menjadi salah satu kaedah alternatif dalam memelihara kebajikan umat Islam. Kemudian, Nor Azurah dalam “Faktor-Faktor Mempengaruhi Pemain Utama dalam Menguruskan Wakaf di Malaysia” menjelaskan tiga masalah yang wujud dalam pembangunan harta wakaf di Malaysia iaitu kurangnya kepakaran dan kemahiran dalam pengurusan, tadbir urus yang lemah dan kurangnya promosi produk-produk berasaskan wakaf¹². Disini

¹⁰ Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud dan Mohd Fuad Sawari, “Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Wakaf,” (Kertas Kerja, Konvensyen Wakaf Kebangsaan, Anjuran JAWHAR, Hotel Legend Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).

¹¹ Murtadho Ridwan, “Peranan Wakaf dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan: Kajian di Jawa Tengah, Indonesia,” (Disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, APIUM, Kuala Lumpur, 2006).

¹² Nor Azurah Md Kamdari, Mohd Rahimie Abd Karim, Remali Yusoff & Abdul Halim Ramli, “Faktor-faktor Mempengaruhi Pemain Utama Dalam

menunjukkan bahawa, pengurusan yang berkesan dan cekap adalah sangat penting dalam pengurusan wakaf. Oleh itu, Pengkaji mendapati pengurus wakaf perlu memainkan peranan yang penting sebagai nadi pembangunan wakaf.

Karya “*Muhādarāt fi al-Waqf*” oleh Sheikh Muḥammad Abū Zahrah membicarakan tentang wakaf secara mendalam bermula daripada aspek sejarah wakaf sebelum Islam, kemudian diikuti perbincangan hukum-hukum fiqh berdasarkan pandangan ulama-ulama mazhab fiqh. Ini kerana beliau mendapati kebanyakan kitab-kitab kajian wakaf ketika itu lebih banyak mengikuti aliran pemikiran Mazhab Hanafi semata-mata tanpa diimbangi usaha yang seimbang dengan beberapa pemikiran mazhab lain, tanpa diimbangi usaha yang seimbang. Selain itu, sebahagian besar kitab ini membicarakan wakaf dari sudut perundangan Mesir dan Lubnan¹³

Perbincangan tentang wakaf juga terdapat dalam karya-karya ulama Nusantara antaranya Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam kitab “*al-Jawāhir al-Saniyyah*” yang mana kitab ini ditulisnya ketika berada di Taif. Kitab ini mengutarakan teori asas wakaf berkenaan rukun wakaf, syarat-syaratnya dan menutup perbincangan wakaf dengan syarat-syarat nazir.¹⁴ Begitu juga kitab beliau “*Furū’ al-Masā’il wa Uṣūl al-Wasa’il*”, kitab ini hasil terjemahan daripada dua buah kitab asal berbahasa Arab iaitu “*Fatwā Shams al-Millah wa al-Dīn ‘Umdah al-Fuqahā’ wa al-Muḥaqqiqīn*” karangan Sheikh Muḥammad Ramli al-Kabir dan sebuah lagi kitab asal Arab yang berjudul “*Kashf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām*” karangan Sheikh Husayn bin Muhammad al-Mahili. Secara keseluruhannya, perbincangan di dalam kitab tersebut sama juga membicarakan berkenaan hukum hakam asas

Menguruskan Wakaf di Malaysia" dalam *Pembangunan Harta Wakaf, Isu dan Cabaran di Malaysia* disunting oleh Mohd Asmadi Yakob et al., (Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara, 2021), 45-60.

¹³ Abū Zahrah Muḥammad, *Muhādarah fi al-Waqf* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1971), 49.

¹⁴ Sheikh Daud Bin Abdullah al-Fatani, *al-Jawāhir Saniyyah* (Kaherah: Dār al-Iḥyā’ Kutub ‘Arabiyyah li Aṣḥābihi ‘Īsā al-Bābi al-Ḥalabi wa Syarikah), 142.

wakaf cuma kali ini persembahannya didatangkan dalam bentuk soal jawab.¹⁵

Terdapat juga dalam kitab “*Kashf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām*” tulisan Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani juga dikenali sebagai Tuan Minal. Beliau memfokuskan permasalahan *furū’* wakaf yang berlegar prinsip asas wakaf.¹⁶ Berdasarkan sorotan kajian lepas yang telah dibuat, penulis tidak mendapati karya-karya ulama Nusantara yang menjelaskan panduan atau cara pelaksanaan wakaf yang boleh dilakukan kecuali hanya terdapat kitab yang hendak dikaji ini iaitu Kitab Kaifiyyah. Hasil penelitian pengkaji mendapati penulisan yang membicarakan tentang kitab ini agak terhad antaranya Haji Wan Muhammad Saghir Bin Abdullah¹⁷, Mohammad Redzuan Othman¹⁸. Namun kedua-dua kajian ini hanya menyatakan isi kandungannya secara ringkas sahaja iaitu dengan hanya menyatakan sub-sub topik dalam kitab ini.

Kajian terkini adalah Mohd Asmadi Yakob yang bertajuk “Tokoh Pembangunan Wakaf Nusantara: Menilai sumbangan Syeikh Junid Thala”¹⁹. Dalam kajian tersebut, dijelaskan secara secara terperinci biografi Syeikh Junid kemudian diterangkan juga kandungan teks dalam Kitab Kaifiyyah secara umum lalu didatangkan juga beberapa contoh cadangan wakaf dalam kitab ini. Namun kajian ini tidak menyentuh kedudukan Kitab Kaifiyyah dalam pensejarahan Alam Melayu. Berdasarkan kajian kepustakaan yang dijalankan, didapati belum ada kajian terperinci menganalisis teks Kitab Kaifiyyah dan kedudukannya

¹⁵ Sheikh Daud Bin Abdullah al-Fatani, *Furū’ al-Masā’il wa Uṣūl al-Wasā’il* (Thailand: Maṭba’ah bin Halabi Faṭānī, t.t), 121-124.

¹⁶ Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Kashf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām* (Thailand: Maṭba’ah bin Halabi Faṭānī, t.t), 361.

¹⁷ Haji Wan Muhammad Saghir Bin Abdullah, “Kitab Wakaf Lengkap dalam Bahasa Melayu”, *Berita Harian*, 19 September 2006, 12.

¹⁸ Mohammad Redzuan Othman, “Early Propagation of Waqf and Its Impact on Educational Development in Malay Society”, (makalah, 3rd International Conference On Islam And Higher Education Complex of Pahang State Foundation, Kuantan, Pahang, 2012).

¹⁹ Mohd Asmadi Yakob, Mohd Hapiz Mahayadin, Mohd Afendi Mat Rani, *Pembangunan Harta Wakaf, Isu dan Cabaran di Malaysia* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Press, Universiti Teknologi Mara), 13-31.

berdasarkan paradigma perkembangan karya jawi di Alam Melayu. Untuk itu, artikel ini akan meneliti lebih lanjut teks Kitab Kaifiyyah dan paradigma yang melatari penulisannya.

LATAR BELAKANG PENGARANG

Pengarang Kitab Kaifiyyah iaitu Syeikh Junid Tola dilahirkan pada tahun 1897 di sebuah kampung bernama Tarlola, Mukim Maga, Daerah Kotanapan, Tapanuli Selatan, Sumatera Selatan, Mandailing, Indonesia. Beliau lebih mesra dikenali sebagai Junid Tola kerana gurunya yang bernama Syeikh Abdul Wahab Rokan yang merupakan salah seorang mursyid tarekat Naqsyabandiah yang telah menukar namanya daripada Simanonga kepada Junid kerana mengambil sempena nama seorang tokoh tasawuf yang terkenal iaitu Syeikh Junid Al-Baghdadi.²⁰ Manakala Tola telah diambil daripada singkatan nama tempat lahirnya iaitu Kampung Tarlola, Tapanuli Selatan, Sumatera, Indonesia, sebagaimana mengikut tradisi para ulama yang sering dinisbahkan berdasarkan di mana tempat lahirnya.²¹ Ayahnya bernama Thalha yang bekerja sebagai mendulang emas telah meninggal dunia sebelum Syeikh Junid memasuki alam persekolahan.²² Setelah itu, beliau telah dijaga oleh abangnya yang bernama Jamarbolong.

Syeikh Junid Tola telah berkahwin dengan tiga orang wanita, dua orang isteri berasal daripada Perak manakala seorang lagi berasal daripada Indonesia. Semasa Syeikh Junid Tola berada di Pondok Haji Salleh, Syeikh Junid Tola telah dicadangkan oleh

²⁰ Nama lengkapnya adalah Abu al-Qasim al-Junaid bin Muhammad al-Khazzaz al-Nahwandi. Ia dilahirkan di Nihawan, Iraq dan menetap di Baghdad sehingga meninggal pada tahun 297 H (910 M). Lihat Haidar Bagir, *Mengenal Tasawuf* (Jakarta: Noura Books, 2019), 96.

²¹ Mohammad Redzuan Othman, "Syeikh Junid Tola (1886-1948): Ulama Progresif Penggerak Kesedaran Politik dan kemajuan Sosio-ekonomi Masyarakat," dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara, Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu*, ed. Farid Md Zain, Jaffary Awang dan Rabitah Mohd Ghazali, (Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 428; Lihat juga dalam <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=asal-asalnya&d=243192&>

²² Siti Hanafiah Ahmad, "Syeikh Junid Thala: Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan, Ekonomi dan Politik," (latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988), 3.

Haji Mohd Salleh supaya pergi ke Kampung Lalang, Padang Rengas di atas permintaan penduduk di situ yang ketiadaan ulama untuk mengajarkan agama seterusnya menjadi rujukan di kampung tersebut dan kawasan sekitarnya.²³ Pada tahun 1922, Syeikh Junid telah tiba di Kampung Lalang, Padang Rengas. Seorang tokoh agama di situ yang bernama Haji Said dan beliau adalah individu yang mengambil inisiatif bertemu dengan Haji Salleh sehingga Syeikh Junid Tola berjaya dibawa ke Kampung tersebut. Pada mulanya Syeikh Junid Tola tinggal dengan keluarga Haji Said di Cangkat Medan yang terletak di hujung Kampung Lalang. Bagi membolehkan Syeikh Junid Tola terus menetap di Kampung tersebut, Haji Said telah mengahwinkan anak perempuannya sulungnya yang bernama Sariyah dengan Syeikh Junid. Daripada isteri pertamanya ini melahirkan seorang anak perempuan bernama Sakinah yang merupakan isteri kepada Haji Mohd Asri yang merupakan bekas Presiden PAS menggantikan Prof Dr Burhanuddin al-Helmi yang meninggal dunia dalam tahun 1969.²⁴

Pada pertengahan tahun 1926, tidak beberapa lama sebaik sahaja kepulangan Sariyah dan Syeikh Junid daripada menunaikan ibadah haji, isterinya Sariyah telah mengalami sakit teruk dan meninggal dunia. Bagi memastikan Syeikh Junid Tola terus menaburkan baktinya di Padang Rengas, pada tahun 1927 Haji Said telah mengahwinkan pula Syeikh Junid Tola dengan seorang lagi anak perempuannya iaitu Hajar merupakan adik kepada Sariyah. Sebelum perkahwinan kedua ini, Syeikh Junid Tola pernah bermimpi yang beliau akan berkahwin dengan adik iparnya ini. Perkahwinan ini juga terjadi atas permintaan dan saranan Haji Mohd Salleh sebagai membalas jasa Haji Said yang telah membiayainya sepanjang berada di Mesir. Hasil

²³ Siti Hanafiah Bt Ahmad, "Syeikh Junid Thala: Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan, Ekonomi dan Politik" (latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1988), 10.

²⁴ Tan Sri Mohd Asri Bin Haji Muda memegang jawatan Presiden PAS pada tahun 1969-1982. Rujuk Catatan Haji Mohd Asri Muda "Ringkasan Kehidupan dan Perjuangan Haji Junid Tola Rangkuti" dilampirkan dalam Siti Hanafiah Bt Ahmad, "Syeikh Junid Thala: Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan, Ekonomi dan Politik", 100-104.

perkahwinan keduanya ini, Syeikh Junid Tola dikurniakan dengan tiga belas orang anak.²⁵

Isteri ketiga Syeikh Junid Tola bernama Rokiah Binti Haji Ibrahim yang dikahwininya pada tahun 1934 di Mandailing. Perkahwinan yang berlaku ini adalah di atas kehendak dan pilihan isteri keduanya sendiri iaitu Hajar. Hasil perkongsian hidup beliau dengan isteri ketiga ini Syeikh Junid mendapat enam orang anak.²⁶ Pada tahun 1946, Rokiah meninggal dunia.²⁷ Jika ditelusuri, proses pendidikan dan perkembangan ilmu Syeikh Junid Tola melalui tiga peringkat, iaitu peringkat pengajian di Nusantara, pengajian di Mesir dan pengajian di Mekah. Abangnya telah menghantarnya belajar di Sekolah Rendah di Kampung Maga yang terletak kira-kira 20km dari rumahnya, namun beliau sempat bersekolah hanya beberapa tahun kerana tidak senang dengan gurunya yang telah memarahinya gara-gara perbuatannya yang mandi di kolam. Dari situ timbul perasaan di hatinya untuk menandingi guru-gurunya.²⁸

Kemudian Syeikh Junid Tola telah memulakan pengajian agama dengan memasuki Pondok Baslam, Tanjung Pura, Langkat, Sumatera Timur di sinilah beliau berguru dengan Syeikh Abdul Wahab Rokan. Syeikh Junid Tola seorang yang cecal, mempunyai keazaman yang tinggi dan bercita-cita untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam diri supaya dapat membimbing masyarakatnya. Ini mendorongnya membawa diri merantau ke Tanah Melayu. Beliau telah menuju ke Negeri Kedah yang mempunyai ramai ulama dan pengajian pondoknya yang rancak. Ketika mulanya beliau telah belajar di Pondok Syeikh Ibrahim Gajah Mati dan Pondok Haji Che Dol di Guar Chempedak. Tidak cukup dengan ilmu yang dipelajari di tiga buah

²⁵ Antaranya ialah Mohamad, Habibah, Juairiah, Khadijah, Mariani, Khalilah, Aliah, Fadzilullah, Ansoriah, Parok. <https://www.geni.com/people/Siti-Hajar-Hj-Said/6000000003127867153>

²⁶ Antaranya ialah Rahmah, Aishah, Halimah [https://www. Geni. Com/people/Rukiah-Hj-Ibrahim-Tapanuli-Selatan-Sumatera-Utara-Indonesia/6000000024726196192](https://www.Geni.Com/people/Rukiah-Hj-Ibrahim-Tapanuli-Selatan-Sumatera-Utara-Indonesia/6000000024726196192)

²⁷ Siti Hanafiah Bt Ahmad, "Syeikh Junid Thala: Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan, Ekonomi dan Politik" (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1988), 12.

²⁸ *Ibid.*

pondok sebelum itu, beliau kemudiannya menyambung pengajiannya di Madrasah al-Masriyah al-Syubbaniah, Bukit Mertajam, Seberang Perai, Pulau Pinang. Di sini, beliau telah berguru dengan Haji Mohd Salleh Masri yang memperkenalkan sistem pendidikan mengikut model pendidikan di Mesir kerana terpengaruh dengan sistem yang diguna pakai di Universiti al-Azhar. Syeikh Junid Tola menjadi anak murid kesayangan Haji Saleh dan dilantik menjadi pembantunya mengajar di pondok tersebut. Dalam masa yang sama, ada beberapa orang murid yang turut belajar dengan Syeikh Junid mereka telah tertarik dengan kebijaksanaannya dan mereka berharap dapat membawa Syeikh Junid Tola ke kampung halaman mereka yang terletak di Kampung Lalang, Padang Rengas, Perak untuk membimbing masyarakat di sana. Permintaan mereka ini telah diajukan kepada Haji Salleh Masri dan beliau telah meluluskan hasrat tersebut kerana yakin dengan penguasaan ilmu dan kemampuan untuk membimbing masyarakat yang dimiliki oleh Syeikh Junid. Syeikh Junid pergi ke Kampung Lalang, Padang Rengas pada tahun 1922 dan telah berkahwin dengan seorang gadis tempatan. Syeikh Junid Tola membuat satu permintaan yang mana telah lama diimpikan iaitu meminta supaya dihantar melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar.

Setelah tiga bulan berkahwin, permintaan beliau ini telah ditunaikan bapa mertuanya dan diberikan pembiayaan bagi membolehkannya melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar. Turut bersama-sama beliau berangkat ke Mesir adalah adik iparnya, Haji Hussain Haji Said dan Haji Mohd Zain Haji Mohd Noh manakala isterinya ditinggalkan bersama keluarganya di tanah air. Sistem pembelajaran yang diguna pakai di Universiti al-Azhar ketika itu berbeza dengan sistem yang ada sekarang. Pada waktu tersebut, Universiti al-Azhar masih mengikut sistem lama (*nizām qadīm*) yang mana peperiksaannya dijalankan secara lisan (*shafawī*) bukan secara bertulis (*tahrīrī*) sebagaimana hari ini. Para pelajar juga tinggal bersama guru-guru di tempat pengajian khusus yang disebut sebagai *ruwāq*.²⁹

²⁹ Ruwaq adalah serambi yang bertiang-bertiang. Lihat Muhammad Masnur Hamzah, *Qomusika: Kamus Klasik Kontemporari* (Kaherah: Maktabah Madina, 2012), 693.

Sebelum berangkat pulang ke tanah air setelah berjaya menamatkan pengajian di Universiti al-Azhar, Syeikh Junid Tola singgah terlebih dahulu di Mekah yang mana tujuan utamanya untuk menunaikan fardu haji dan selain itu, untuk melengkapkan lagi ilmu pengetahuannya dengan belajar di Masjidil Haram. Sudah menjadi tradisi pada waktu itu, seseorang itu dikira ulama yang disegani bila mana dapat berguru dengan ulama yang mengajar di Masjidil Haram. Di sinilah Syeikh Junid telah berguru dengan Syeikh Abdul Qadir al-Mandili. Ketika di Universiti al-Azhar, beliau pernah menuntut dengan ramai ulama-ulama Azhar antaranya Abu al-A'la al-Falaki.³⁰

Sepanjang Syeikh Junid Tola dan pelajar-pelajar Melayu berada di Mesir, mereka memanfaatkan sepenuh masanya untuk memperoleh sebanyak yang mungkin ilmu pengetahuan dan cuba melengkapkan diri menjadi pemimpin masa hadapan. Antara langkah yang diambil adalah dengan menubuhkan sebuah persatuan pelajar yang menggabungkan seluruh pelajar dari Alam Melayu. Persatuan pelajar ini telah ditubuhkan pada tahun 1923 yang diberi nama al-Jamiyyah al-Khairiyyah al-Talabiyyah al-Azhariyyah al-Jawah atau Persatuan Kebajikan Pelajar-Pelajar Melayu Universiti al-Azhar. Dengan adanya persatuan ini, mereka dapat menjaga kebajikan pelajar-pelajar Melayu di sana dan sebagai medium latihan untuk bergerak secara berorganisasi sebagai persiapan menjadi pemimpin masyarakat pada masa hadapan.³¹

Terdapat pelajar-pelajar Melayu yang lain juga sama-sama turut aktif dengan Syeikh Junid Tola dalam persatuan pelajar

³⁰ Syeikh Abu al-A'la al-Falaki ialah guru yang mengajar Syeikh Junid dan rakan-rakannya seramai dua belas orang mengenai ilmu falak antaranya Syeikh Abdullah Arif al-Din Langkat, Syeikh Idris al-Marbawi dan Syeikh Nasir al-Jauhari. Beliau jugalah yang telah mencetuskan idea sehingga terhasilnya Kamus Idris al-Marbawi. "Urusan Qiblat" bil 121 September (1980), 4-29; Faisal Ahmad Shah, "Faktor Kejayaan dan Kecemerlangan Orang Melayu Menurut Mohamed Idris Al-Marbawi," *Jurnal Pengajian Melayu* 20, no. 1 (2009), 26-50.

³¹ Abu Hanifah Haris dan Mohammad Redzuan Othman, *Seruan Azhar (1925-1928) dan Idea Perpaduan Serumpun Antara Penduduk Tanah Melayu dan Indonesia di Kaherah* (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2013), 47.

ini. Antaranya yang sezaman dengan beliau seterusnya menjadi pemimpin di tanah air ialah Othman Abdullah³², Abdul Wahab Abdullah, Fathurrahman Kafrawi³³, Mahmud Yunus³⁴, Ilyas Ya'kub³⁵, Muchtar Lutfi³⁶, Kahar Muzakkir³⁷ dan lain-lain. Sebagai kumpulan pelajar yang mendapat pendedahan awal berkenaan semangat menuntut kemerdekaan, mereka merasa terpenggil untuk turut sama menyebarkan idea kesedaran ini kepada masyarakat Melayu di tanah air. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh pelajar-pelajar ini, akhirnya pada bulan Oktober 1952 mereka berjaya menerbitkan sebuah surat khabar yang diberi nama "Seruan Azhar" buat pertama kalinya. Akhbar ini bermotokan "Bersetia Jaya Bercerai Merbahaya".³⁸

Ketika di Mesir juga, Syeikh Junid Tola berkesempatan bersama beberapa orang rakannya membantu Syeikh Idris al-Marbawi dalam menyusun sebuah kamus Arab-Melayu sebagai rujukan pelajar-pelajar Melayu dalam memahami Bahasa Arab dengan lebih mudah. Usaha ini dilakukan kerana ketika itu belum ada lagi kamus yang sedemikian untuk dijadikan rujukan. Pada peringkat permulaan penyusunan kamus ini mereka mendapat

³² Semasa Malaysia di bawah pentadbiran MAGERAN, beliau telah dilantik sebagai anggota Majlis Perundingan Negara. Beliau kemudiannya dilantik sebagai anggota Dewan Negara pada 1973 dan berkhidmat sehingga 1980.

³³ Pernah dilantik sebagai Menteri Agama dalam Kabinet Sjahrir II pada 2 Oktober 1946.

³⁴ Seorang ulama, penulis terjemahan al-Quran, ahli tafsir dan tokoh pendidikan Islam Indonesia.

³⁵ Seorang ulama dan Syaikhul Islam dari Minangkabau (1903-1958), diangkat menjadi pahlawan kemerdekaan Republik Indonesia sejak 17/8/1975.

³⁶ Merupakan Pengurus Parti Persatuan Muslim Indonesia dan Ketua Parti Masyumi Cabang Sulawesi.

³⁷ Merupakan anggota BPUPKI (Badan Penyelidik Usaha-Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia).

³⁸ Zulkiple Abd. Ghani, "Pendekatan al-Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi (1893-1989) Terhadap Media Cetak," dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara, Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu*, ed. Farid Md Zain, Jaffary Awang dan Rabitah Mohd Ghazali (Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006),, 803.

bimbingan daripada guru mereka.³⁹ Namun begitu, disebabkan Syeikh Junid Tola kembali ke tanah air setelah menamatkan pengajiannya pada pertengahan tahun 1926, usaha ini diteruskan Syeikh Idris secara bersendirian sehinggalah kamus ini berjaya diterbitkan dan masih digunakan sehingga ke hari ini yang diberi nama “Kamus al-Marbawi”.⁴⁰

Murid Syeikh Junid Tola sangat banyak, beberapa muridnya ada yang menjadi ulama besar dan sangat terkenal yang menyebarkan Islam di beberapa tempat di seluruh dunia Melayu antara lain ialah Mokhtar Lintang, Musannif Sayid Nasution, Jauhari Lubis dan lain-lain. Dari sudut keperibadian, beliau merupakan seorang tokoh dan ulama yang mempunyai sifat yang mengagumkan seperti merendah diri, sifat juang yang tinggi dan berpandangan jauh. Beliau juga seorang yang mempunyai sifat keberanian yang tinggi ketika terlibat dalam perjuangan kemerdekaan Indonesia dan beliau merupakan antara ulama yang menentang keras penjajahan Belanda ketika itu sehingga Kerajaan Kolonial Belanda mengeluarkan arahan supaya menangkap Syeikh Junid Tola tetapi beliau berjaya berhijrah ke Tanah Melayu. Ketika di Tanah Melayu semangat perjuangan ini diteruskan lagi, beliau turut bersama pejuang-pejuang menuntut kemerdekaan Malaya. Sehingga beliau telah menjadikan Madrasah Diniyah Kampung Lalang ini sebagai tempat berhimpun para tokoh pejuang kemerdekaan. Oleh kerana itu tidak hairanlah dia mendapat julukan “ulama rakyat”.⁴¹

³⁹ Mohammad Redzuan Othman, “Syeikh Junid Tola (1897-1948): Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan dan Ekonomi dan Peranannya dalam Perjuangan Kemerdekaan” (makalah, Seminar Sejarah Ulama Perak (1989) dalam Sejarah Perak, 1989), 12.

⁴⁰ Kamus ini secara keseluruhannya mengandungi 36,000 patah perkataan dan lebih 1,200 daripadanya diterangkan beserta gambar. Lihat Mahani Mokhtar, “Syeikh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi: Sejarah dan Sumbangannya di Bidang Penulisan” (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1990) 30-36.

⁴¹ Haji Mohd Rivai Batubara, “Syeikh Junid Tola Sebagai Pejuang Kemerdekaan,” dilampirkan dalam Siti Hanafiah Bt Ahmad, “Syeikh Junid Thala: Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan, Ekonomi dan Politik”, 106-107.

Syeikh Junid Tola merupakan seorang yang berpandangan jauh. Setelah terbinanya Pondok Syeikh Junid, beliau merasakan perlunya tempat pengajian yang lebih besar dan lebih sistematik dan teratur bagi menampung kehadiran murid yang makin hari makin bertambah malah beliau juga menggalakkan murid-murid supaya melakukan perniagaan untuk memastikan sekolah-sekolah agama ini dapat terus beroperasi tanpa semata-mata mengharapkan derma dan belas kasihan orang lain sahaja. Manakala sifat merendah diri beliau dapat dibuktikan apabila tertubuhnya Madrasah Diniah ini pada tahun 1935, ada cadangan daripada Mufti Perak iaitu Haji Mohammad Zain supaya madrasah ini dinamakan sempena nama beliau iaitu Madrasah al-Junaidiah tetapi beliau enggan menerimanya kerana baginya lebih baik dikenali dengan nama yang lebih umum.⁴² Usaha beliau dalam harta wakaf ini membuatkan beliau terkenal sebagai seorang ulama yang zuhud kerana beliau tidak mempunyai apa-apa kerana semuanya diwakafkan untuk perjuangan dan manfaat umat Islam.⁴³

Syeikh Junid Tola meninggal dunia pada hari Selasa 10 Mac 1948 di madrasahnyanya ketika itu beliau berusia 62 tahun. Jenazahnya dikebumikan di kawasan perkarangan Madrasah al-Junaidiyah. Berita ini telah sampai ke pengetahuan penduduk Padang Rengas seminggu selepas beliau dikebumikan melalui corong radio. Pemergiannya telah meninggalkan dua orang balu dan 15 orang anak.⁴⁴

LATAR BELAKANG KITAB

Berhubung judul kitab “Kitab Kaifiyyah Mengadakan Waqaf Muslimin”, Syeikh Idris al-Marbawi telah menyebut secara jelas di kulit Kitab Kaifiyyah cetakan al-Maṭba’ah al-Marbawiyyāh,

⁴² Ahmad Rushdi Abdullah, “Maahad al-Yahyawiah Padang Rengas: Sejarah dan Peranannya dalam Pendidikan Islam di Negeri Perak” (latihan ilmiah, Jabatan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1993), 52.

⁴³ Haji Mohd Rivai Batubara, “Syeikh Junid Tola Sebagai Pejuang Kemerdekaan,” 106-107.

⁴⁴ Haji Mohd Rivai Batubara, “Syeikh Junid Tola Sebagai Pejuang Kemerdekaan,” 106-107.

Mesir. Judul kitab ini diambil seperti mana dalam kata pengantar yang menyatakan:

Dan dengan jalan ini terbitlah fikirannya kaifiat mengadakan wakaf di Tanah Melayu dan negeri yang berhampiran dengannya⁴⁵

Syeikh Idris telah mengkategorikan karya ini sebagai sebuah “Kitab”. Hal ini dinyatakan dalam kata pengantarnya:

Pengarang kitab ini ialah bernama Tuan Syeikh Junid Tola al-Mandili.⁴⁶

Sebelum dijelaskan pengertian tajuk ini, tiga perkataan yang digunakan dalam pembinaan tajuk kitab ini iaitu “Kaifiat”, “Mengadakan”, dan “Wakaf” perlu diterangkan dan dinyatakan dengan jelas:

“Kaifiat” daripada perkataan arab “كيفية” “asalnyanya adalah "كيف" merupakan kata tanya yang menghendaki keadaan atau sifat sesuatu”.⁴⁷

“Mengadakan” adalah menjadikan ada, mewujudkan, menyebabkan ada, menyediakan, atau menubuhkan”.⁴⁸

Manakala “Wakaf” menurut al-Khatib Syarbini sebagai penahanan harta yang berfaedah serta kekal ainnya daripada menjualnya dan juga sebarang muamalat yang lain.⁴⁹ Berdasarkan huraian pengertian tersebut, dapatlah difahami bahawa kitab ini akan membahaskan panduan pelaksanaan wakaf yang boleh dilakukan oleh umat Islam. Pada bahagian awal Kitab Kaifiyyah

⁴⁵ Junid Tola, *Kitab Kaifiyyah*, 4

⁴⁶ Junid Tola, *Kitab Kaifiyyah*, 2

⁴⁷ Muhammad Murtadha Zabidi, *Tajul ‘Arus min Jawahirul Qomus* (Beirut: Darul Maktabatul Hayat), 6: 243

⁴⁸ Kamus Pelajar Bahasa Malaysia, *Edisi Kedua* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016)

⁴⁹ Syamsudin Muhammad Bin Muhammad khotib Syarbini, *Mughni al-Muhtāj ila Ma ‘rifat al-Ma ‘ānī al-Alfāz al-Minhāj* (Kaherah: Penerbit Darul Hadis, 2006), 3: 452

terdapat kata pengantar yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi. Dinyatakan tujuan Syeikh Junid mengarang kitab ini kerana kekaguman beliau dengan sistem harta wakaf yang telah diamalkan di al-Azhar, Mesir yang membawa kepada kemajuan institusi tersebut. Oleh kerana terkesan dengan kemajuan wakaf di Mesir, juga dalam masa sama kesedaran pengarang sendiri terhadap pentingnya membantu masyarakat tempatan memahami ilmu wakaf dan melaksanakan tuntutan syariat ini sehingga mendorong kepada pembukuan kitab ini. Ini dinyatakan di akhir kata pengantar kitab ini:

“Pendeknya dengan sebab tahu ia akan kemajuan Mesir dengan harta wakaf yang tidak terbilangkan barang yang boleh jadi dengannya. Maka tak maulah ia seperti setengah orang yang mengetahui tidak mengamalkan pengetahuannya, bahkan manakala sampai ia ke negeri Perak baru ini, telah dimustajabkan Allah pintaannya dan ‘amalnya”.⁵⁰

Untuk aspek sejarah, pengkaji hanya menyentuh tiga perkara iaitu saiz kitab, masa dan tempat kitab ini dikarang. Dalam mencari naskhah asal kitab ini, pengkaji telah menghadapi masalah kerana tidak dapat dikesan di mana letaknya naskhah asal kitab ini. Pengkaji hanya dapat memperolehi cetakan yang telah diterbitkan oleh al-Maṭba’ah al-Marbawiyyāh, Mesir. Berdasarkan Naskhah kitab Cetakan al-Maṭba’ah al-Marbawiyyāh, Mesir yang pengkaji perolehi daripada warisnya Ustaz Azizi Mohamed Ridzuan.⁵¹ Kitab ini mempunyai 29 halaman dan ukurannya 18.2 cm panjang dan 13 cm lebar. Berkenaan catatan tarikh mula dan tarikh selesai penulisan ini tidak ditemui sama ada dari pengarang atau daripada penerbit. Hanya terdapat catatan tentang tarikh selesai percetakan kitab ini iaitu pada bulan syawal pada tahun 1348H di Mesir. Sebagaimana yang tercatat di akhir kitab

⁵⁰ Syamsudin Muhammad Bin Muhammad khotib Syarbini, *Mughni al-Muhtāj ila Ma’rifat al-Ma’ānī al-Alfāz al-Minhāj*, 3

⁵¹ Azizi Mohamed Ridzuwan adalah calon Pas yang bertanding kerusi N20 Lubok Merbau, Perak pada PRU-14

“Qad tamma hazā al-kitāb bi‘auni al-Malik al-
Wahāb fi shahr Shawāl sanah 1348h bi Miṣr”.⁵²

Apabila dipadankan dengan takwim masihi ianya bersamaan tahun 1935 M.⁵³Berpandukan data tersebut, jikalau tarikh tersebut merupakan catatan penerbit iaitu Syeikh Idris, bermakna kitab ini dicetak setelah 10 tahun kepulangannya Syeikh Junid Tola daripada pengajiannya Mesir. Berkenaan tempat kitab ini dikarang adalah Negeri perak. Seperti dinyatakan pada kulit kitab:

Dikarang oleh Syeikh Junid Thala al-Azhari di
dalam negeri Perak tahun 1348H.

Dari sudut percetakan, kitab ini telah dicetak dan diterbitkan di al-Maṭba‘ah al-Marbawiyāh, Mesir yang telah diasaskan oleh al-Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi pada tahun 1927.⁵⁴ Al-Maṭba‘ah al-Marbawiyāh, Mesir ini merupakan salah satu pusat percetakan yang dimiliki oleh orang Melayu di Kaherah yang mana sebelum itu pada tahun 1914 telah wujud al-Maṭba‘ah al-Ittihadiah yang dimiliki oleh Muhammad Fadhullah Suhaimi.⁵⁵ Pada tahun 1927 juga terbinanya sebuah lagi syarikat percetakan Melayu yang diberi nama al-Maṭba‘ah al-Taḡaddūm dengan projek utamanya ialah mencetak majalah Pilehan Timoe.⁵⁶ Penubuhan pusat percetakan ini bertujuan untuk mencetak dan membekalkan kitab-kitab arab dan jawi khususnya kepada pelajar Malaysia yang sedang menuntut ilmu di Mesir serta untuk manfaat anak-anak Melayu Nusantara. Kesungguhan Syeikh Idris ini ditunjukkan sehingga beliau sanggup mengupah seorang arab Mesir untuk membantunya dalam melicinkan gerak kerja di pusat percetakan tersebut.⁵⁷ Antara tulisan yang pernah

⁵² Junid Tola, *Kitab Kaifiyyah*, 29

⁵³ Kiraan berdasarkan laman sesawang <http://www.Falak.Unisza.Edu.My/calc/?Name=tarikh> Diakses 31 Mei 2019

⁵⁴ Faisal Ahmad Shah, “Metodologi Penulisan Mohamed Idris Al-Marbawi Dalam Bahr al-Madhi” Tesis Kedoktoran, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2007), 100.

⁵⁵ Md Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998) 115.

⁵⁶ Pilehan Timoer, Oktober 1927: 16

⁵⁷ Zulkiple Abd. Ghani, Pendekatan al-Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi (1893-1989) Terhadap Media Cetak , In Farid Md Zain, Jaffary

diterbitkan oleh al-Maṭba'ah al-Marbawīyyāh, Mesir ialah karyanya Qamus al-Marbawī juzuk pertama dan kedua yang dijual dengan harga 550 sen, tafsir Surah Yaasin yang berharga 60sen, sebuah tulisan Shaykh Tahir Jalaluddin berkenaan perdebatan dalam permasalahan fiqh, Ini “Huraian Yang Membakar: Taman Persuraian Haji Bakar Pada Menyatakan Hukum Dua Rakaat Qabliyyah al-Jumuah, Siraj al-Qari, Siraj al-Huda, Taj al-Muluk, al-Yawaqit wa al-Jawahir dan Bidayah al-Mubtadi' wa 'Umdah al-Awlad”.⁵⁸

Dari segi gaya penulisan yang digunakan dalam kitab ini, ianya ditulis dengan tulisan jawi dan menggunakan bahasa Melayu lama. Kitab-kitab penulisan ulama terdahulu sering menggunakan ejaan jawi lama kerana kebanyakan mereka ketika itu telah mendapat pendidikan agama di negara arab, jadi penggunaan sesuatu perkataan itu mengikut sebutan dan juga terpengaruh dengan gaya Bahasa Arab. Di sini dinyatakan perbezaan antara penulisan jawi lama dan jawi baru.⁵⁹ Contohnya:

Jadual 1.0: Perbezaan Penulisan Jawi Lama dan Jawi Baru

Tulisan Rumi	Tulisan Jawi Baru	Tulisan Jawi Lama
Ia pun	اي قون	ايفون
Kerana	كران	كارن
Suka	سوك	سوكك
Hidup	هيدوف	هيدف
Tak mahulah	تيدق ماهوله	تأ ماوله
Wang	واغ	اوغ
Pokok	فوكوق	فوكؤ

Awang dan Rabitah Mohd Ghazali, *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara, Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu* (2005), 214.

⁵⁸ Faisal Ahmad Shah. *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr Al-Madhi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013)

⁵⁹ Abdul Aziz, A. Y. "Pedoman umum ejaan jawi bahasa Melayu Dewan." Dewan Bahasa dan Pustaka (2020).

Masuk	ماسوق	ماسؤ
Serta	سرتا	سرة
Duduk	دودوق	دودؤ
Mereka itu	مريك ايت	مريكيت
Gunung	گونوغ	گونغ
Sedikit	سدیکیت	سدیکة
Diperbuat	دقربوات	دقربواة

Namun begitu, terdapat beberapa perkataan yang dikekalkan dalam Bahasa Arab seperti *muwāfaqat imtihān*, *jabal*, *jaridah* dan *ṭalabah*. Sebagai seorang berkelahiran Sumatera Utara, beliau juga turut memasukkan bahasa Indonesia dalam penulisan beliau dan beberapa perkataan Bahasa Inggeris. Menurut Hj Wan Mohd Soghir Abdullah, yang merupakan pengumpul serta pengkaji manuskrip-manuskrip Melayu. Banyak buku-buku terbitan beliau yang menceritakan mengenai ulama-ulama Melayu di Nusantara bermula dari abad ke-11 Masihi sehinggalah abad ke-19 Masihi. Hasil kajiannya mendapati kitab ini adalah satu-satunya kitab yang memberikan panduan pelaksanaan sistem wakaf dalam bahasa Melayu dan merupakan kitab wakaf yang lengkap dalam bahasa Melayu⁶⁰. Menariknya lagi, pendekatan idea yang diketengahkan oleh pengarang merupakan pendekatan yang mudah dan sesuai pengamalannya dengan kehidupan masyarakat Tanah Melayu kita ini. Seterusnya kemunculan kitab ini, secara tidak langsung telah menambahkan koleksi kitab fiqh wakaf berbahasa Melayu di Nusantara.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN


Dalam kajian ini, sampel utama pengkaji adalah Kitab Kaifiyyah cetakan al-Maṭba‘ah al-Marbawiyah, Mesir. Setelah data yang diperlukan dikumpulkan, pengkaji menganalisisnya berasaskan kaedah analisis kandungan. Kaedah ini digunakan dengan

⁶⁰ Haji Wan Muhammad Soghir Bin Abdullah, “Kitab Wakaf Lengkap dalam Bahasa Melayu”, *Akhbar Berita Harian*, Selasa 19 September 2006, 12.

meneliti kandungan teks secara tersusun terhadap data atau maklumat yang dikumpul berdasarkan ciri-ciri mesej yang ingin dikenal pasti.

Secara keseluruhannya, kandungan Kitab Kaifiyyah membahaskan pendekatan atau pontensi-potensi wakaf yang boleh dilakukan dan sesuai diamalkan oleh masyarakat di Tanah Melayu ketika itu. Perbincangan yang didatangkan dalam kitab ini tidak terdapat dalam kitab-kitab jawi klasik fiqh wakaf lain. Penyusunan tajuk-tajuk dalam kitab ini juga sangat teratur. Dimulakan dengan kata pengantar Syeikh Idris al-Marbawi, kemudiannya diikuti 6 sumber utama garis pelaksanaan wakaf yang disarankan oleh Syeikh Junid Tola dalam Kitab Kaifiyyah iaitu daripada tanah bendang, zakat, *wang rif'i*, tanah darat, perniagaan dan pertukangan. Seterusnya, setiap satu daripada yang enam itu pula, ada beberapa pendekatan yang dicadangkan. Setiap pendekatan yang ditunjukkan, ditandakan dengan nombor dalam kurungan. Kadar penghuraian bagi setiap 6 sumber utama melakukan wakaf adalah sebagaimana rajah berikut:

Rajah 1.0: Pelaksanaan Wakaf Menurut Kitab Kaifiyyah




Berdasarkan Rajah 1.0 di atas, menerusi “Wakaf Tanah Bendang” ada 14 pendekatan untuk dipraktikkan, menerusi sumber kedua “Wakaf Daripada Zakat” ada 6 pendekatan, menerusi sumber ketiga “Wakaf daripada Wang Rif'i” ada 13 pendekatan, menerusi sumber keempat “Wakaf Daripada Tanah Darat” terdapat 23 pendekatan yang disarankan, menerusi sumber kelima “Wakaf Daripada Perniagaan” ada 11 pendekatan dan terakhir sekali menerusi sumber keenam “Wakaf Daripada Pertukangan” ada 21 pendekatan untuk diamalkan. Namun begitu,

terdapat beberapa perbahasan yang kebiasaanya dimasukkan dalam kitab-kitab fiqh lain tetapi tidak disentuh oleh Syeikh Junid Tola dalam kitab ini terutamanya aspek teori wakaf, dalil-dalil naqli dan tidak menyatakan sumber rujukan ambilan dalam penghasilan kitab ini kerana kitab ini lebih menjurus kepada aplikasi wakaf. Berikut adalah hasil analisis pembangunan harta wakaf berdasarkan jenis harta wakaf menurut Kitab Kaifiyyah Syeikh Junid Tola.

Jadual 2.0: Analisis Jenis Harta Wakaf dalam Kitab Kaifiyyah

Aspek	' <i>Aqār</i>	<i>Manqūl</i>	' <i>Aqār dan Manqūl</i>	Jumlah
Data Terkumpul	17	65	6	88
Peratusan	19%	74%	7%	100%

Rajah 2.0: Jenis Harta Wakaf Dalam Kitab Kaifiyyah Syeikh Junid Tola



Berdasarkan Rajah 2.0 di atas, didapati terdapat 88 data teks yang relevan terhadap pembangunan wakaf dalam Kitab Kaifiyyah Syeikh Junid Tola. Secara keseluruhannya jenis wakaf menurut Syeikh Junid Tola boleh dikategorikan kepada tiga jenis kategori harta wakaf iaitu pertama, '*aqār* (harta tak alih), kedua, *manqūl* (harta alih) dan ketiga melibatkan '*aqār dan manqūl* (harta alih dan harta tidak alih). Hasil penelitian didapati sumber jenis harta wakaf yang yang paling banyak dinyatakan oleh Syeikh

Junid Tola adalah melibatkan kategori *manqūl* sebanyak 74% iaitu berdasarkan 65 data teks. Sumber *manqūl* daripada hasil pendapatan yang diperoleh melalui perniagaan, sewa dan perkhidmatan yang disediakan lalu digunakan untuk berwakaf. Manakala jenis harta wakaf kedua tertinggi yang diterapkan adalah jenis wakaf '*aqār* sebanyak 19% iaitu 17 data teks. Ia melibatkan tanah kosong, bendang, kebun, tanah paya dan tanah galian bijih dan akhir sekali, sebanyak 7% ataupun 6 data teks yang melibatkan kategori '*aqār dan manqūl*.

Apabila diteliti dari sudut penglibatan pihak berautoriti, jelas bahawa sebelum wujudnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam di negeri-negeri Tanah Melayu pada tahun 1950-an, harta wakaf, khususnya masjid, surau, tanah perkuburan dan sekolah agama masih lagi ditadbir oleh ketua agama seperti imam dan kadi mengikut hukum syarak⁶¹. Ini dapat dibuktikan apabila institusi beraja dilibatkan sama dalam urusan wakaf seperti yang dijelaskan Syeikh Junid Tola:

2. Raja atau yang seumpamanya mengadakan seelok-elok peraturan dengan cukupnya daripada orang yang menyimpan wang dan lain-lain kemudian raja itu menghukumkan di atas segala rakyat sekalian dengan membayar wang *rīft* pada tiap-tiap umpama enam bulan sekali diambil seumpama sepersepuluh pendapatan masing-masing maka dibelikan kepada harta yang berkekalan dijadikan wakaf⁶²

Selain itu, kita dapat mengetahui corak kehidupan masyarakat ketika itu yang mengamalkan persekitaran budaya tradisional masyarakat kampung dalam bidang pertanian sebab itu pendekatan atau pontensi-potensi wakaf yang dinyatakan oleh Syeikh Junid ini sesuai diamalkan oleh masyarakat di Tanah Melayu ketika itu. Ini dapat dibuktikan dalam penulisan beliau:

⁶¹ Razali Othman, *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 97-104.

⁶² Junid Tola, *Kitab Kaifiyyah*, 9.

6.Perhimpunan muwafaqat mengadakan pelajaran memakai dan memperbuat beberapa alat yang memudahkan mengambil buah padi seperti tong pemukulnya dan lain-lain dan demikian jua diadakan beberapa perkakas yang memudahkan memumbuk padi itu dan menyucinya seperti kisaran dan lain-lain pula maka pendapatannya daripada segala alat yang diperbuat itu setengah yang lain dijadikan penambahi pelajaran itu dan setengah yang lain dijadikan wakaf bagi pelajaran beberapa 'ilmu yang memberi manfa'at⁶³

Dalam konteks paradigma kajian perkembangan penulisan karya jawi, 88 data teks yang diperolehi daripada Kitab Kaifiyyah seperti dibentangkan di atas menjadi bukti bahawa pembangunan wakaf menurut Syeikh Junid Tola lebih menjurus kepada pendekatan progresif. Dalam pendekatan progresif ini, sebagaimana telah diteliti dalam kajian Azyumardi Azra,⁶⁴ para ulama tempatan memainkan peranan yang amat penting dalam menggerakkan umat Islam keluar daripada kemunduran. Pembaharuan yang diikuti oleh ulama tradisional diamati sebagai berasaskan prinsip kesinambungan dan perubahan (*continuity and change*).

Hal demikian juga selaras dengan pandangan Mohammad Redzuan Othman⁶⁵ yang melihat ulama tradisional yang mengikuti keilmuan Islam melalui madrasah Haramain berperanan penting sebagai agen kepada transmisi ilmu dari Timur Tengah ke Alam Melayu. Peranan itu juga meliputi penyampaian ajaran Islam secara tolak ansur sambil memperbaiki situasi masyarakat setempat ketika itu. Ini sekaligus menolak paradigma kajian penulisan karya jawi yang melihat pemikiran ulama

⁶³ Junid Tola, *Kitab Kaifiyyah*, 24.

⁶⁴ Azra, Azyumardi, "Islamic thought: Theory, concepts and doctrines in the context of Southeast Asian Islam." *Islam in Southeast Asia: political, social and strategic challenges for the 21st century*, 3 (2005): 21.

⁶⁵ Mohammad Redzuan Othman, "The Role of Makka-Educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya," *Journal of Islamic Studies*, 9 (1998).

tradisional di Alam Melayu membawa nilai kemunduran kepada masyarakat setempat.

Dapatan data teks dalam kajian ini adalah jelas berbeza dengan dapatan kajian oleh Mohd Asmadi Yaakob⁶⁶ yang merumuskan bahawa Syeikh Junid Tola telah mengemukakan 100 kaedah amalan wakaf dalam Kitab Kaifiyyah. Perbezaan berlaku pada bahagian zakat dan tanah darat. Secara jelasnya, jadual 3.0 di bawah merumuskan perbezaan dapatan berkenaan:

Jadual 3.0: Perbezaan Dapatan Kajian Mohd Asmadi Yaakob dan Pengkaji

Bi	Dapatan Kajian Mohd Asmadi Yaakob ⁶⁷			Dapatan Pengkaji		
	Bidang	Bil. Kaifiyyat	*Hlm	Bidang	Bil. Kaifiyyat	*Hlm
1	Tanah bendang	14	5-7	Tanah bendang	14	5-7
2	Zakat	9	7-9	Zakat	6	7-9
3	Wang ripi	13	9-12	Wang ripi	13	9-12
4	Tanah darat	32	13-17	Tanah darat	23	13-17
5	Perniagaan	11	18-22	Perniagaan	11	18-22
6	Pertukangan	21	23-29	Pertukangan	21	22-29
	Jumlah	100	-	Jumlah	88	-

*Hlm: Halaman

Selain itu, dalam kitab Syeikh Junid Tola juga kita akan menemui istilah *wang rifti* yang dinyatakan dalam bahagian ketiga kitab ini. “*Rifti*” ini membawa maksud orang kampung. Maka

⁶⁶ Mohd Asmadi Yakob, Mohd Hapiz Mahayadin, Mohd Afendi Mat Rani, *Pembangunan Harta Wakaf, Isu dan Cabaran di Malaysia* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Press, Universiti Teknologi Mara), 13-31.

⁶⁷ Mohd Asmadi Yakob, Mohd Hapiz Mahayadin, Mohd Afendi Mat Rani, *Pembangunan Harta Wakaf, Isu dan Cabaran di Malaysia* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Press, Universiti Teknologi Mara), 13-31.

dapat disimpulkan *wang rīfī* bermaksud kadar bayaran tertentu yang diambil daripada penduduk kampung berdasarkan hasil pendapatan mereka mengikut musim atau tahun. Ada juga yang mengatakan *rīfī* bermaksud rupiah ini tidak tepat kerana ejaannya dalam kitab ريفي.

Dalam kitab ini juga, kita akan menemui istilah *Muwāfaqat* yang kerap kali diulang oleh Syeikh Junid Tola pada setiap kaedah yang dikemukakan. *Muwāfaqat* membawa maksud bersepakat atau kolektif. Dari situ kita dapat fahami bahawa pembangunan harta wakaf tidak akan dapat dicapai sekiranya tidak ada sokongan dari semua pihak. Ini dapat dibuktikan apabila Syeikh Junid Tola melibatkan semua golongan rakyat, golongan bangsawan, pemerintah dan para alim ulama dalam amalan berwakaf. Menariknya lagi, setiap kaedah yang dikemukakan oleh Syeikh Junid ada diterapkan konsep dakwah dalam kitabnya ini kerana kerap kali meminta sesiapa yang sudah tahu kelebihan berwakaf mengajak pula orang lain untuk turut sama berwakaf. Idea-idea bernas Syeikh Junid Tola yang bijak mengambil peluang dengan menjadikan semua tempat-tempat menjadi tumpuan orang seperti jeti, gudang, pusat kesihatan, muzium, tempat berkelah tepi sungai dijadikan pusat untuk mendapatkan hasil lalu hasilnya dijadikan wakaf boleh diaplikasikan ketika ini.

RUMUSAN

Berdasarkan hasil kajian mendapati kandungan Kitab Kaifiyyah secara keseluruhannya membahaskan pendekatan, jenis harta dan pontensi-potensi wakaf yang boleh dilakukan dan sesuai diamalkan oleh masyarakat di Tanah Melayu ketika itu. Penyusunan tajuk-tajuk dalam kitab ini juga sangat teratur. Dimulakan dengan kata pengantar Syeikh Idris al-Marbawi, kemudiannya diikuti 6 sumber utama garis Pelaksanaan wakaf yang disarankan oleh Syeikh Junid Tola dalam Kitab Kaifiyyah iaitu daripada tanah bendang, zakat, *wang rīfī*, tanah darat, perniagaan dan pertukangan. Seterusnya setiap satu daripada yang enam itu pula, ada beberapa pendekatan yang dicadangkan. Setiap pendekatan yang ditunjukkan, ditandakan dengan nombor dalam kurungan. Namun begitu, terdapat beberapa perbahasan yang kebiasaanya dimasukkan dalam kitab-kitab fiqh lain tetapi tidak

disentuh oleh Syeikh Junid Tola dalam kitab ini terutamanya aspek teori wakaf, dalil-dalil naqli dan tidak menyatakan sumber rujukan ambilan dalam penghasilan kitab ini kerana kitab ini lebih menjurus kepada aplikasi wakaf.

Pengkaji mendapati data tekstual Kitab Kaifiyyah seperti dibentangkan di atas membuktikan bahawa pembangunan wakaf menurut Syeikh Junid Tola lebih menjurus kepada pendekatan progresif. Dalam pendekatan progresif ini, para ulama tempatan seperti Syeikh Junid Tola memainkan peranan yang amat penting dalam menggerakkan umat Islam keluar daripada kemunduran. Pembaharuan yang diikuti oleh ulama tradisional diamati sebagai berasaskan prinsip kesinambungan dan perubahan (*continuity and change*). Selain itu, dapat dilihat peranan yang dimainkan oleh pihak berautoriti bersama-sama masyarakat dapat memberi impak dalam pelaksanaan sesuatu agenda untuk kemajuan sesebuah negara. Syeikh Junid Tola juga menunjukkan kepada kita corak kehidupan masyarakat ketika itu yang mengamalkan persekitaran budaya tradisional masyarakat kampung dalam bidang pertanian. Justeru itu pendekatan atau pontensi-potensi wakaf yang dinyatakan oleh Syeikh Junid ini sesuai diamalkan oleh masyarakat di Tanah Melayu ketika itu.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan geran UMG024L-2022. Pengkaji merakamkan ucapan penghargaan khususnya kepada Akademi Pengajian Islam dan juga Universiti Malaya atas penajaan geran yang telah diberikan serta kepada semua pihak yang membantu secara langsung atau tidak langsung kepada penyelidikan ini.

RUJUKAN

Abdul Halim El-Muhammady. "Pengaruh Fiqh Shafi'i dalam Pemikiran Masyarakat Melayu di Malaysia". Makalah, Seminar Hukum Islam Semasa ke-5, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 22-23 Ogos 2007.

Abū Zahrah Muḥammad, *Muhādarah fī al-Waqf*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1971.

Ahmad Rushdi Abdullah, 'Maahad al-Yahyawiah Padang Rengas: Sejarah dan Peranannya dalam Pendidikan Islam di Negeri Perak'. Kajian Ilmiah, Sarjana Muda Jabatan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1993.

Al-Sharbini, Muhammad bin Ahmad. *Mughni al-Muhtāj ila Ma'rifat al-Ma'ānī al-Alfāz al-Minhāj*. Kaherah: Dar al Hadith, 2006.

Azra, Azyumardi, "Islamic thought: Theory, concepts and doctrines in the context of Southeast Asian Islam." *Islam in Southeast Asia: political, social and strategic challenges for the 21st century*, (n.p:ISEAS Publishing, 2005).

Abdul Aziz, A. Y, "Pedoman umum ejaan jawi bahasa Melayu Dewan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020.

Che Zuina Ismail, 'Pembangunan Tanah Wakaf: Analisis Menurut Perundangan dan Pelaksanaannya di Malaysia'. Kajian Tesis Doktor Falsafah Jabatan Syariah dan Undang Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.

Daud bin Abdullah Al-Fathani, *Furū' al-Masā'il wa Uṣūl al-Wasā'il*. (Thailand: Maṭba'ah Bin Halabi Faṭānī, t.t)

Daud bin Abdullah Al-Fathani. *al-Jawāhir Saniyyah*. Kaherah: Dār al-Iḥyā' Kutub 'Arabiyyah li Aṣḥābihi 'Īsā al-Bābi al-Ḥalabi wa Syarikah,t.t.

Faisal Ahmad Shah, 'Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi dalam Bahr al Madhi'. Kajian Tesis Doktor Falsafah Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.

Faisal Ahmad Shah. "Faktor Kejayaan dan Kecemerlangan Orang Melayu Menurut Mohamed Idris Al-Marbawi". *Jurnal Pengajian Melayu*, Vol 20, No 1 (2009).

Faisal Ahmad Shah. *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr Al-Madhi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.

Junid Tola, *Kitab Kaifiyyah Mengadakan Wakaf Muslimin*.
Kaherah: al-Maṭba'ah al-Marbawiyāh, 1929.

Laman sesawang Geni.com, dicapai pada 15 Ogos 2019, <https://www.geni.com/people/Siti-Hajar-Hj-Said/6000000003127867153>.

Luqman Abdullah. "Istibdal Harta Wakaf dari Perspektif Mazhab Syafie,". *Jurnal Fiqh*, No 7 (2010).

Mahani Mokhtar, 'Syeikh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi: Sejarah dan Sumbanganya di Bidang Penulisan dan Penerbitan'. Kajian Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2011.

Mahayudin Hj Yahaya, *Karya Klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

Mahmood Zuhdi Abd Majid. *Wakaf dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1999.

Martin van Bruinessen, "Pesantren and Kitab Kuning: Maintenance and Continuation of a Tradition of Religious Learning," dalam *Texts From the Islands: Oral and Written Traditions of Indonesia and the Malay World*, ed. Wolfgang Marschall .Bern: Institute of Ethnology, University of Bern, 1994.

Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud dan Mohd Fuad Sawari. "Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Wakaf,". Kertas Kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan, anjuran (JAWHAR), Hotel Legend Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).

Mohammad Redzuan Othman, "The Role of Makka-Educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya," *Journal of Islamic Studies* 9 (1998).

Mohammad Redzuan Othman. "Call of the Azhar: The Malay Students Sojourn in Cairo before World War II". *Sejarah: Journal of the Department of History*, No 3 (1995).

- Mohammad Redzuan Othman. "Early Propagation of Waqf and Its Impact on Educational Development in Malay Society". 3rd International Conference on Islam and Higher Education Complex of Pahang State Foundation. Kuantan: Pahang, 2012.
- Mohammad Redzuan Othman. "Syeikh Junid Tola (1886-1948): Ulama Progresif Penggerak Kesedaran Politik dan Kemajuan Sosio-ekonomi Masyarakat". *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara, Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu*, ed. Farid Md Zain, Jaffary Awang dan Rabitah Mohd Ghazali. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Mohammad Redzuan Othman. "Syeikh Junid Tola (1897-1948): Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan dan Ekonomi dan Peranannya dalam Perjuangan Kemerdekaan". Kertas Kerja Seminar Sejarah Ulama Perak, anjuran ABIM Perak, 3 Julai 1989.
- Mohd Asmadi Yakob, Mohd Hapiz Mahayadin, Mohd Afendi Mat Rani, *Pembangunan Harta Wakaf, Isu dan Cabaran di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Press, Universiti Teknologi Mara, 2021.
- Mohd. Nor bin Ngah, Some Writings of the traditional Malay Muslim Scholars Found in a Malaysia, dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, ed, Khoo Kay Kim. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Muhammad Masnur Hamzah, *Qomusika: Kamus Klasik Kontemporari*. Kaherah: Maktabah Madina, 2012.
- Murtadho Ridwan, 'Peranan Wakaf dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan: Kajian di Jawa Tengah, Indonesia'. Kajian Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Nor Azurah Md Kamdari, Mohd Rahimie Abd Karim, Remali Yusoff & Abdul Halim Ramli, "Faktor-faktor Mempengaruhi Pemain Utama Dalam Menguruskan Wakaf di Malaysia" dalam *Pembangunan Harta Wakaf, Isu dan Cabaran di Malaysia* disunting oleh Mohd Asmadi Yakob et al., t.t.p: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara, 2021.

Razali Othman, *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.

Siti Hanafiah Binti Ahmad ‘Syeikh Junid Thala: Sumbangannya
dalam bidang Pendidikan, Ekonomi dan Politik’, Kajian
Ilmiah, Sarjana Muda Jabatan Sejarah, Universiti
Malaya, 1988.

Wan Muhammad Saghir bin Abdullah, ‘Syeikh Junid Thala Ulama
Terkenal di Mandailing dan Perak’. *Utusan Malaysia*, 4
September 2006.

Wan Muhammad Saghir bin Abdullah, ‘Kitab Wakaf Lengkap
dalam Bahasa Melayu’. *Berita Harian*, 19 September
2006.

Zainal Abidin Bin Muhammad al-Fathani, *Kashf al-Lithām ‘an
As’ilah al-Anām*. Thailand: Maṭba‘ah bin Halabi Faṭānī,
t.t.

Zulkipl Abd. Ghani. “Pendekatan al-Syeikh Muhammad Idris al-
Marbawī (1893-1989) Terhadap Media Cetak,”.
Prosiding Nadwah Ulama Nusantara, Ketokohan dan
Pemikiran Ulama Melayu, ed. Farid Md Zain, Jaffary
Awang dan Rabitah Mohd Ghazali. Bangi: Penerbit
Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.